

Taklimat akhbar digital *Utusan Malaysia* bersama Pengurusan UPM

KUALA LUMPUR 26 Jun - Seramai lapan pentadbir Pengurusan Kanan Universiti Putra Malaysia (UPM) hadir mendengar taklimat berkaitan akhbar digital *Utusan Malaysia* di

pejabat Naib Canselor, Universiti Putra Malaysia (UPM) hari ini.

Yang turut sama Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Fauzi Ramlan dan Bendahari UPM, Zulkiflee Othman.

Utusan Melayu (M) Bhd. diwakili Pengurus Sokongan Operasi, Idris Asaran dan Penolong Pengurus Perancangan dan Saluran Baharu, Mohamad Asra Adlan Mohamed Asri.

Menurut Mohd. Fauzi, langkah Kumpulan Utusan memperkenalkan akhbar digital @ *E-Paper*, bertepatan dengan aspirasi pentadbir UPM yang mahukan persekitaran kampus ke arah Universiti Hijau.

"Kita menyasarkan seramai 20,000 mahasiswa serta 6,000 pensyarah dan kakitangan UPM menggunakan akhbar digital tersebut secara meluas," katanya.

Maklumat lanjut berkaitan akhbar digital ini boleh dilihat melalui iklan di muka 15 hari ini.



MOHD. Fauzi Ramlan (dua dari kiri) mendengar taklimat daripada Mohamad Asra Adlan Mohamed Asri (kiri) di Pejabat Naib Canselor, Universiti Putra Malaysia, Serdang, semalam.